

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 32 RABU 12 OGOS 1970 ١٣٩٠ جمادی الاول دايو PERCHUMA



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan ketika melafdzkan sabda sa-belum merasmikan kursus tersebut.

Paduka Seri Begawan Sultan rasmikan Kursus Guru2 Dewasa Pelajaran Rendah

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah merasmikan pembukaan Kursus Guru2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at lepas.

Duli Yang Teramat Mulia telah menyampaikan sabda di-majlis tersebut. Kursus yang di-hadiri oleh kira2 150 orang peserta itu telah di-adakan selama lima hari dan tamat petang semalam.

Sabda Duli Yang Teramat Mulia sa-penohnya di-majlis itu ada-lah saperti berikut:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Beta mendahuluikan shukor serta menguchapkan terima kaseh kepada Jabatan Pelajaran kerana menjemput beta hadir dan merasmikan pembukaan Kursus Guru2 Kelas Dewasa Pelajaran Rendah hari ini.

Apa yang beta dapat ketahui bahawa kursus ini ia-lah kali kedua di-adakan oleh Jabatan Pelajaran yang tujuan besar-nya ada-lah untuk memberikan latahan menitik beratkan mengajar laila ilmu pelajaran di-sekolah yang mendatangkan kemunaafatan pada negeri, kerajaan Sultan dengan mereka sendiri pun chara rengkas, kapada kerajaan, kapada perserta2 kursus dari segi laila teknik2, amalan2 serta kebaikan yang munasabah diajarkan kapada orang2 dewasa yang buta buruf atau pun lain2 ilmu pengetahuan yang bersangkutan dengan kelas2 dewasa pelajaran rendah.

Sunggoh pun kursus ini di-adakan selama lima hari saja dan jika di-bandangkan dengan hasil tanggong jawab yang telah sedang dan akan di-laksanakan ia-itu untuk menghapuskan buta huruf di-negeri ini tidak sesuai dengan lama masa kursus itu, tetapi beta mendapat tahu dan laila pada menumpukan keperchayaan bahawa guru2 dan belia2 yang dengan sendiri-nya benar2 rela menyambut seruan kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang tumpat dengan laila chita2 besar untuk berusaha dan berbakti pada nosa, raayat, penduduk dan laila isi Brunei Darus Salam serta patoh kapada undang2 negeri yang benar2 melambangkan nama baik Brunei dan mendaulatkan nama Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darus.

Salam serta mengingatkan penat lelah, jasa usaha kejujuran, ketabahan laila bersopan. Sebab itulah maka lila hari ini akan menjadi sumbar kemajuan demi menghapuskan masalah buta huruf kapada raayat Baginda dan dengan nama Allah, beta do'akan bahawa atas laila hasrat dan chita2 yang baik dan mulia ini akan di-berkati oleh Tuhan seru sekalian alam yang maha pengasih lagi penyayang.

Laila hadhirin yang di-hormati sekalian.

Beta telah di-ma'alumi bahawa buta huruf itu ada-lah sa-bagai beban yang berat kapada sa-buah negara di-dunia ini, demikian pun Negeri Brunei ini tidak lari daripada menerima bebanan tersebut, kerana buta huruf ada-lah membayangkan betapa pendek-nya akal fikiran, betapa pendek-nya pada merenongkan kebaikan, betapa pendek-nya pada mengingatkan ja-sa dan budi yang baik lagi nyata, lebeh2 jika buta huruf itu di-setai oleh hasrat dengki, tamak, halobaria dan tekabur akan mendatangkan kesukaran di-bagi rintangan yang menghalang laila kesejahteraan.

Akan tetapi dari sejak Jabatan Pelajaran mengadakan kelas pembentenan buta huruf ini maka sa-bilangan dari bayangan pudar dan tirai kekerohan dapat di-singkap. Ini ada-lah dengan sebab sambutan raayat yang benar2 menyedari terhadap ranchangan kerajaan Baginda Sultan mengenai dengan ranchangan pembentenan buta huruf.

Awang2 dan Dayang2 yang di-kasih sekalian.

Menyentoh atau terlanjur pada menyentoh langsung betapa peri mustahak-nya pembentenan buta huruf ini di-kalangan raayat Baginda dan Biginda Sultan ingin benar2 akan melihat-nya bahawa buta huruf ini nanti akan lenyap langsung dengan izin Allah di-kalangan raayat Baginda dalam masa yang sa-chepat2-nya.

Biar-lah dunia luar dapat mengetahui bahawa dari sa-genap aspek dan kesejahteraan bidang ranchangan dan kemajuan Negeri Brunei ini telah dapat nengirit laila zaman ka-zaman pada mere-nongkan laila hasrat yang chinta bagi kesejahteraan perkembangan,

(LIHAT MUKA 8)

NAMA IBU NEGERI DI-TUKAR TETAPI PENGGUNAAN NAMA BARU ITU SAH PADA 4 OKT.

BANDAR Brunei, ibu kota negeri ini akan di-tukar nama-nya kapada Bandar Seri Begawan, tetapi penggunaan-nya tidak-lah sah sabelum 4 Oktober, 1970.

Pertukaran nama Bandar Brunei ini ada-lah sa-bagai menjunjong titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan upachara-nya akan di-laksanakan pada 4 Oktober, ia-itu bersempenakan hari turun-nya Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin dari takhta Kerajaan.

Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, dalam satu kenyataan, berkata sa-buah jawatankuasa sudah pun di-bentok untuk menyusun achara2 perayaan sambutan kerana upachara penukaran nama bandar itu pada 4 Oktober.

Jawatankuasa Perayaan itu telah mengadakan mashuarat-nya yang pertama pada minggu lalu.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara berkata, jawatankuasa itu merancangan sambutan dengan meriah, dengan mengadakan beberapa pertunjukan, hiburan, achara2 berchorak keugamaan, peraduan perlumbaan dan seumpama-nya kerana perayaan sambutan itu.

Bagaimana pun Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara mengingatkan bahawa nama Bandar Seri Begawan tidak sah di-gunakan sa-belum perisitiwaaran-nya di-laksanakan pada 4 Oktober akan datang.

Kata-nya, orang ramai di-nasihatkan supaya jangan menggunakan nama bandar yang baru itu dalam sebarang persuratan dan lain2, dan pehak Pejabat Pos telah di-arahkan supaya menolak atau tidak memberikan sebarang layanan terhadap apa jua peratusan yang menggunakan nama Bandar Seri Begawan itu, sa-belum 4 Oktober, 1970.

D. Y. M. M. berangkat ka-U.K. esok

DENGAN ini di-beritahu bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan berangkat meninggalkan Brunei untuk melawat United Kingdom pada hari Khamis 13hb. Ogos, 1970.

Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbir Brunei ada-lah dipinta supaya berada di-Lapangan Terbang Brunei pada jam 11.00 pagi untuk menguchapkan selamat berangkat kapada Baginda. Pakaian seragam tidak di-kehendaki.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir sedang menyampaikan perisai rebutan kapada ketua pasukan PERKASA.

PERKASA menangi tiga kejohanan

BANDAR BRUNEI. — Pasukan PERKASA telah menjadi johan dalam perlawanan akhir sepak takraw sa-telah mengalahkan pasukan KUBU dengan hitongan mata 15 — 8 dan 15 — 8.

Perlawanan yang di-anjarkan oleh Pesekutuan Guru2 Melayu yang ke-9 itu ia-lah di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari achara bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ke-24.

Pasukan PERKASA juga telah memenangi tiga kejohanan dalam perlawanan sepak takraw Daerah Brunei-Muara.

PERKASA menjadi johan league dalam kumpulan 'A' dan 'B' dan juga memenangi perlawanan sepak raga bulatan dengan mendapat 283 mata.

Sa-banyak 29 buah pasukan yang mewakili persatuan2 belia, maktab2, sekolah2 dan jabatan2 telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah telah menyampaikan hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir perlawanan itu.

Persediaan untuk mengadakan peraduan Al-Quran

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumumkan, bahawa persediaan sedang di-buat untuk mengadakan peraduan membacakan Quran bagi daerah Brunei dan Muara tahun ini.

Setiausaha peraduan Awang Haji Mohamed Tarif berkata, peraduan perengkat akhir akan di-adakan pada 10 September di-Masjid Sufri Bolkiah di-Kampong Perpindahan

P'jaya Kebajikan rasmikan Perpustakaan Bergerak DBP

SENGKURONG. — Pesuroh-jaya Kebajikan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang H. M. Salleh pada hari Sabtu te-lah merasmikan Perpustakaan Bergerak bagi pendudok2 mukim Sengkurong.

Dalam uchapan-nya beliau menerusi pendudok2 di-mukim itu supaya meminjam dan membaca buku2 yang di-sediakan oleh Perpustakaan Bergerak itu.

Kata-nya, dari pembachaan melalui buku2 itu, mereka akan mendapat pengetahuan yang baik tentang kehidupan dan kemajuan satu2 bangsa di-dunia ini.

Terdahulu sa-belum itu, Pen-garah Dewan Bahasa Dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Haji Awang Mohamed Jamil Al-Sufri mengharapkan, supaya peluang2 yang di-berikan itu, akan mendapat sambutan baik dari semua pendudok2 kampong di-luar bandar.

Beliau berkata, lebih dari 4,000 jenis buku bagi orang2 dewasa, penuntut2 sekolah menengah dan rendah di-sediakan oleh Perpustakaan Bergerak itu.

Perpustakaan Bergerak itu akan melawat ka-Mukim Seng-kurong pada tiap2 hari Sabtu

Jalan raya KB/Labi siap penghujung tahun 1972

KUALA BELAIT. — Projek jalan raya yang menghubungkan Rempayoh, Labi dan Bukit Puan dengan jalan Brunei/Kuala Belait di-Sungai Liang akan di-bubohkan dengan aspal pada penghujung tahun 1972.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya, di-Kuala Belait berkata, ini ada-lah tarikh dalam mana projek itu di-fikirkan akan siap jika segala2nya berjalan mengikut ranchangan.

Jalan yang sepanjang kira2 29 batu itu termasuk jalan yang ada sekarang dari Bukit Puan hingga ka-satu tempat-jah dari Rempayoh yang di-

bina oleh Sharikat Minyak Shell Brunei semasa gerakan menchari minyak.

Juruchakap itu berkata, lan-pun batu dari jalan itu dari simpang Sungai Liang telah dibuboh dengan aspal.

kerja mengukohkan permukaan jalan itu yang meng-gunakan tanah dan konkret telah menchapai 10½ batu di-Sungai Mau dan dari situ ka-Bukit Puan, jarak sa-jauh ki-ra2 2 batu, kerja mengukohkan permukaan jalan itu telah di-mulakan dengan mengguna-kan batu yang belum di-pe-chahkan.

Juruchakap itu berkata, lebeh dari sa-paroh dari kerja merata tanah di-sebelah Bukit Puan telah di-jalankan dan kerja pengukohan akan di-mulakan tidak lama lagi.

Projek itu juga melibatkan pem-binaan lima buah jambatan kon-kret yang mana dua di-antara-nya telah siap dan tiga lain siap dalam beberapa perengkat.

Ia-nya juga akan mempunyai tujuh buah jambatan baily yang di-bina oleh Sharikat Minyak Shell yang panjang sekali di-Sungai Peti ia-lah 630 kaki. Projek pembinaan jalan raya telah di-mulakan dalam tahun 1960.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri menunjukkan salah sa-buah buku dalam Perpustakaan Bergerak itu kapada Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh bin Haji Masri sa-telah upacara perasmian perpustakaan tersebut pada hari Sabtu lepas.

Brunei memohon jadi ahli FIBA

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bola Keranjang Amateur Negeri Brunei akan mengirimkan sa-pu-chok surat rasmi permohonan begi keanggotaan dalam Persatuan Bola Keranjang Amateur Antara Bangsa — FIBA di-Munich.

Ini ada-lah berikut penerimaan sa-pu-chok surat dari badan antara bangsa itu mengundang Persatuan Bola Keranjang Amateur Negeri supaya memohon atas shor Persekutuan Bola Keranjang Asia.

Yang Di-Pertua Persatuan Bola Keranjang Amateur Negeri Awang Ong Keh Beng berkata, persatuan-nya akan mengirimkan sepu-chok surat kepada FIBA sa-telah pasokan negeri Brunei pulang dari Pesta Sokan Singapura tahun 1970.

Pasokan yang di-ketuai oleh Awang Ong Keh Beng sebagai pen-gurus pasukan akan berlepas ka-Singapura pada hari ini.

Pesta Sokan Singapura akan bermula pada 14 Ogos.

(Lihat Muka 3)

KHUTBAH JUMA'AT

MENINGGIKAN TARAF UMAT ISLAM MELALUI BIDANG PERTANIAN

UGAMA Islam ada-lah menggalakkan umatnya hidup cergas dan berkerja, sesuai dengan kedudukan Ugamma Islam itu sendiri, kerana ugama Islam ada-lah suatu ugama yang tinggi, yang mana tidak ada ugama yang melebihi daripada-nya. Hanya umat Islam itu sendiri-lah yang akan merendahkan taraf-nya sa-bagai umat Islam atau meninggikan-nya sesuai dengan ugama Islam itu sendiri.

Di-antara perkara2 yang dapat meninggikan taraf umat Islam itu ia-lah kedudukan ekonomi di-dalam semua bidang kerana ekonomi ada-lah memegang peranan yang maha penting di-dalam sa-suatu negara, dan bolehlah di-katakan sa-bagai nyawa atau tulang belakang sa-suatu bangsa itu.

Salah satu daripada usaha2 untuk meninggikan taraf ekonomi kita ia-lah berusaha dalam bidang pertanian ia-litu saperti bertanam padi, sayor2an, buah2an dan sa-bagai-nya. Perkara ini dapat kita pegang keutamaan yang diberikan oleh Ugamma Islam akan usaha2 yang di-buat oleh ahli2 tani, sa-bagaimana menurut sa-buah hadith nabi s.a.w. yang bermaksud:

“Tidak perchuma sa-saorang Islam itu menanam sa-suatu tumbuhan atau menanam satu tanaman, lalu di-makan burong2 atau manusia atau binatang, melainkan semua-nya itu merupakan sedekah daripada-nya.”

Daripada maksud hadith ini, da-pat-lah kita fahamkan bahawa sa-tiap

usaha yang di-buat oleh petani dan hasil tanaman-nya itu ada-lah tidak sia2 sekali pun di-makan burong2 atau binatang2 ada-lah menjadi satu keuntungan kapada mereka, sama ada di-dunia atau di-akhirat. Walau bagaimana usaha untuk meninggikan taraf ekonomi tidak-lah dapat di-biarakan begitu sahaja kerana hasil-nya tidak akan dapat sa-bagaimana yang dimaksudkan. Tetapi apa yang di-maksudkan oleh hadith di atas tadi ia-lah kita membuat segala usaha dan ikhtiar sa-bagai sa-orang tani, bukan-lah sa-sudah di-tanam, di-biarkan sahaja yang di-jadikan rumput rampai atau lalang memenohi sa-keliling tanaman itu, atau menanam dengan tiada beroperatoran yang di-ator saperti musim “berpadi” atau menaroh sahaja dan sa-umpamanya.

Sa-telah peroperatoran itu di-buat de-nangan baik dan sempurna, baru-lah kita berpuas hati dan menyerahkan usaha2 kita itu kapada Allah yang akan mem-berikan hasil dan Allah jua-lah yang maha berkuasa di atas segala2-nya.

Oleh itu ada-lah di-serukan supaya tiap2 orang yang berusaha atau yang bertani hendak-lah mengerjakan de-nangan baik dan sempurna, sa-bagaimana yang telah di-ator dan di-nasehatkan oleh pehak2 yang berkenaan, muga2 dengan peroperatoran itu, hasil pertanian kita akan memuaskan dan ekonomi umat Islam akan dapat di-tinggikan, di-samping usaha2 untuk meninggikan ekonomi negara di-bidang yang lain.

Jawapan pegawai Daerah dlm Majlis Mashuarat Daerah

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei / Muara Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata, kerajaan mesti-lah membuat penyiasatan penuh terhadap semua faktor yang melibatkan sa-suatu projek sa-belum ia-nya dapat di-laksanakan.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman telah beruchap sa-bagai jawapan kapada uchapan penanggohan di-sidang bulanan Majlis Meshuarat Daerah Brunei Muara yang telah berlangsung di-Dewan Kemesharakatan di-Bandar Brunei pada hari Khamis lepas.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman juga menerangkan bahawa kerajaan telah mengantongkan buat se-mentara waktu permohonan2 bagi tanah sejak 1945.

Terdahulu dari itu wakil bagi Pintu Malim, Awang Mohamed Zain bin Metali menyatakan perasaan sedih bahawa sekolah di-kawasan-nya maseh lagi di-tempatkan di-bangunan sementara walaupun anggaran belanjawan telah di-

sediakan bagi pembinaan sa-buah sekolah baru.

Awang Mohamed Zain juga menyentuh tentang permohonan tanah.

Majlis itu juga membincangkan soalan2 bertulis yang di-bentangkan oleh Awang Rasit bin Haji Bandol, wakil bagi Tanjong Nangka.

PERADUAN AL-QURAN

(Dari Muka 2)

kan borang masok dari Pehin Khatib Juned bin Jamaluddin di-Masjid Omar Ali Saifuddin, bagi Kawasan Brunei 1; dari-pada Pengiran Damit bin Pengiran Abu Bakar di-Pejabat Setor dan Perbekalan bagi Kawasan Brunei 11 dan dari-pada Awang Abdul Latif bin Abdul Wahab di-Pejabat Tanah Brunei, bagi Kawasan Brunei 111.

Qari dan qariah yang menjadi johan dalam perengkat negeri tahun lalu, ada-lah dibolehkan terus memasuki perengkat daerah dan tidak payah memasuki perengkat kawasan.

‘Minggu Kerja’ pengakap K.B.

KUALA BELAIT. — Persatuhan Pengakap Daerah Belait telah memulakan Minggu Kerja yang akan berjalan hingga hari Juma'at 14 Ogos.

Semasa Minggu Kerja, pen-gakap2 di-daerah itu akan ber-kunjung ka-rumah, sharikat2 perniagaan dan lain2 tempat

kerana menawarkan kerja sa-chara sukarela, tetapi meng-harapkan sumbangan wang dari perkhidmatan itu.

Mereka membawa kad2 ker-ja, dan orang ramai di-kehendaki menchatetkan jumlah derma yang di-berikan, di-dalam kad kerja itu, sa-telah se-lesai kerja di-jalankan.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12 Ogos 1970 hingga ka-hari Seldsa 18 Ogos 1970 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
12 Ogos		12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
13 Ogos		12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
14 Ogos		12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
15 Ogos		12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16
16 Ogos		12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
17 Ogos		12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15
18 Ogos		12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6-15

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

12. Ogos, 1970.

BUROH TEMPATAN

YANG Amat Berhormat Menteri Besar telah menimbulkan tentang ke-engganan satengah pendudok tempatan untuk berkhidmat sa-bagai buroh kasar untuk membantu melihinkan pembangunan negara dalam aneka bidang.

Masaalah ke-engganan pendudok tempatan ini bukanlah kecil bentuknya, malah ia-nya merupakan satu jurang yang boleh mengendalakan projek2 pembangunan negara yang memerlukan tenaga buroh sama ada yang mahir maupun yang separoh mahir atau buroh biasa.

Menurut Yang Amat Berhormat itu bahawa kerajaan tidak berniat untuk menggalakkan kemasukan buroh dari luar negeri, tetapi memandang kapada keadaan yang demikian, maka ia-nya merupakan satu paksaan kapada kerajaan untuk berbuat demikian demi untuk melancharkan projek2 yang di-rencanakan.

Dari sini, Kerajaan kita ternyata mempunyai pegangan yang kuat dan tebal dengan hasrat untuk tidak membukakan peluang sejauh2nya kepada orang2 luar dalam soal perburohan ini, bahkan sebaiknya keutamaan untuk anak2 tempatan ada-lah yang paling atas sekali dengan tidak di-kenakan sebarang sekatan. Peluang2 sa-umpama ini tidak hanya terdapat dalam soal2 perburohan ini, bahkan keutamaan untuk anak2 tempatan dalam apa bidang sekalipun adalaht sentiasa di-berikan berdasarkan kapada fakt2 yang bersesuaian dan kena pada tempatnya. Dari segi lojiknya, maka keutamaan bagi pendudok2 tempatan atau bumiputera memang tidak boleh di-nafikan, malah ia-nya di-tekankan sa-bagai satu hak sa-bagai rakyat yang hidup mati-nya untuk negeri yang satu itu saja". Pertolakan dari segi lojiknya ini, maka sering-lah kedengaran jeritan2 yang meluahkan bahawa harus di-utamakan terlebih dahulu anak2 tempatan. Tetapi malangnya jeritan2 sa-umpama itu kebanyakannya di-laung2kan dengan tidak menyedari hakikat yang sabenar-nya.

Sa-tiap kekusongan yang terdapat dalam perburohan ini, anak2 tempatan yang di-daftar sa-bagai orang2 yang berkendakkan pekerjaan akan secara di-panggil dengan harapan supaya mereka itu dapat memenuhi kekusongan itu sama ada dengan sharikat2, pemburong2 atau pun kerajaan sendiri.

Tetapi malangnya chuma sa-bilangan kecil saja yang bersedia untuk menjadi buroh kasar dan sa-bahagian besar-nya pula maseh menyimpan "tabiat" memilih kerja. Dan yang menyedehkan pula, ada di-antaranya yang bertabiat memilih kerja itu tidak mempunyai ke-layakan2 yang di-perlukan. Sa-sudah itu timbul pula reaksi2 yang kurang baik apabila kekusongan yang di-tawarkan dan di-tolak mereka itu, di-isikan oleh orang lain.

Oleh yang demikian, memandang kapada suasana sekarang dan masa hadapan, maka ke-engganan2 untuk menjadi buroh itu harus di-hapuskan terus. Hanya dengan yang demikian kita tidak akan merafa rugi di-hari kemudian.

PERKHEMAHAN BELIA SA-DUNIA EXPO '70 DI-JEPUN

Oleh: Abdul Latif bin Haji Ibrahim

PERKHEMAHAN belia sa-dunia yang berlangsung di-Jepun sa-bagai memperingati EXPO '70 mulai dari 9 hingga 23 Julai, 1970 telah di-hadiri oleh Australia, Brunei, Cambodia, Republik China, Germany, Greece, Hongkong India, Indonesia, Jepun, Republik Korea, Malaysia, Mexico, New Zealand, Philipina, Singapura, Switzerland, United Kingdom, Amerika Sharikat dan Republik Vietnam dengan peserta2 belia lebih dari 1,000 orang. Di-Tokyo semua belia telah di-tempatkan di-Olympic Memorial Youth Center.

Perkhemahan Belia sa-Dunia itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Putera Mahkota Jepun, Prince Hirohito pada 10 Julai, 1970 bertempat di-Hibiya Public Hall. Kata2 aluan telah juga di-berikan oleh Menteri Pelajaran Jepun, Mr. Michita Sakata. Selain dari kata2 aluan ini tiap2 ketua rombongan telah memberi serba sedikit uchapan terima kaseh atas perkhemahan tersebut dalam bahasa ibunda mereka, Awang Ya'akub bin Ahmad ketua rombongan Brunei dalam uchapan-nya berkata. "Saya bagi pehak perwakilan belia Brunei menguchapkan sattinggi2 terima kaseh kepada Pertubuhan Belia Kebangsaan Jepun dan juga kepada Kerajaan Jepun sendiri kerana mengadakan perkhemahan belia sa-dunia di-negeri ini bersempena dengan EXPO '70 dan juga atas jemputan yang di-berikan kepada kami. Saya berdoa agar kita akan dapat mencapai tujuan utama kita untuk mengatasi pergolakan belia yang terdapat di-seluruh dunia sekarang dan saterusnya menchipata satu suasana yang aman dan tenteram bagi sekalian manusia di-alam ini." Selesai saja achara pembukaan rasmi itu persembahan2 musik dan tarian2 rakyat telah di-persembahkan dengan meriah-nya. Peserta2 Brunei telah mempersembahkan nyanyian asli **berdon-dang**, tarian **adai-adai** serta lagu Melayu klasik **rasa sayang he**. Semua persembahan dari Brunei ini telah mendapat tepukan gemuroh dan sanjungan tinggi.

Selama tinggal di-Tokyo semua peserta perkhemahan te-

lah juga di-beri kesempatan melawat bandar Tokyo, Tokyo Tower serta tempat2 menarik di-sekitar Tokyo. Satu majlis forum telah di-adakan di-Asahi Seime Hall di-mana perwakilan dari tiap2 negeri telah di-minta beruchap mengenai pergerakan belia di-negeri masing2. Sa-lepas majlis forum ini, satu sambutan selamat datang oleh Gabnor telah di-adakan di-Palace Hotel. Di-sini para belia telah berkesempatan berbual2 dengan Gabnor itu se-lain dari berbinchang masalah2 belia.

Sa-lama tinggal di-Olympic Memorial Youth Center tidak kurang juga ada-nya forum2, perbinchang2 antara ketua2 rombongan. Brunei selalu menghadiri majlis2 ini dan menyuarakan beberapa pendapat.

Dalam perjalanan ka-Nagoya, sa-buah bandar di-antara Osaka dan Tokyo pada 14hb. Julai, 1970 para belia telah melawat ka-kilang pembuat kereta2 Toyota, di-bandar Toyota dan satu majlis sambutan telah di-adakan oleh Presiden Pertubuhan Toyota Automobile. Tujuan melawat kilang tersebut itu untuk mengenalkan lebuh jauh lagi terhadap status perindustrian Jepun sekarang ini.

Di-Pusat Pekerja2 Aichi (Aichi Workers Center) para belia telah di-sambut di-satu majlis yang di-berikan oleh Gabnor Aichi dan Mayor Na-

Rombongan belia Brunei bergambar ramai di-kawasan Olympic Memorial Youth Center sa-belum berlepas menghadiri pembukaan rasmi Expo '70 World Youth Camp di-Hibiya Public Hall.


goya City. Belia2 telah menginap di-Nagashima Hotel serta di-jamu dengan masakan ala Jepun pada malam-nya.

Pada esok-nya 15 Julai, 1970 belia2 telah berangkat ka-Nara, sa-buah bandar lama melalui Meishin Express Highway. Highway sa-panjang perjalanan itu amat chantek dan terotor. Nara ia-lah sa-buah bandar purba Jepun dan pernah menjadi ibu negeri Jepun dahulu. Kesenian dan seni ukir Jepun maseh terdapat dengan baik di-kawasan ini. Para belia sampai di-Osaka pada sa-belah petang-nya dan tinggal di-Nakanoshima Training Center sementara belia2 Jepun sa-bahagian tinggal di-Shitennoji Temple Hostel.

Pada 16 Julai, para belia telah di-bawa melawat bandar purba Kyoto dan Kyoto park. Pada sa-belah petang, di-Osaka Merchandise Building, Gabnor Osaka dan Mayor Osaka telah mengadakan majlis sambutan terhadap belia2 yang menghadiri perkhemahan itu.

Pada 17 Julai, 1970 para belia telah di-beri kesempatan untuk Melawat EXPO '70. Expo menunjukkan sains dan kesenian kurun ke-20. Dengan

(Lihat Muka 5)



Pembukaan rasmi Expo '70 Perkhemahan Belia Sa-Dunia oleh Putera Mahkota Jepun Prince Hirohito di-Hibiya Public Hall. Peserta2 dari Brunei duduk di-barisan depan.

Perkhemahan Belia Sa-Dunia EXPO '70 di-Jepun

(Dari Muka 4)

menunjukkan persembahan yang bagitu dramatik, Expo World Youth Camp berharap dapat menimbulkan satu tenaga dan usia belia baru untuk mencipta masa depan yang cemerlang. EXPO '70 ini ialah Pameran Sa-Dunia (World Exposition) yang terbesar sekalipun pernah di-adakan. Kemudahan masuk dan kendaraan bagi melihat Expo '70 telah lebuh awal di-beri oleh jawatankuasa perkhemahan pada tiap2 peserta. Demikian juga pada 18 dan 20 Julai, 1970 belia2 telah di-beri kesempatan dan kebebasan untuk melawat Expo '70. Makanan dan kendaraan juga telah di-sedikan dengan tiket.

Perjumpaan dengan belia2 Osaka telah di-adakan pada 19 Julai, 1970 bertempat di-dewan Nakanoshima Training Center itu. Di-sini belia2 dari Osaka telah memberikan uchapan tentang kegiatan2 yang persatuan2 mereka jalankan. Satu perjumpaan di-NHK Television Studio di-Osaka antara wakil2 belia tiap2 negeri telah di-rakamkan di-bawah tajok "Pendapat Belia". Brunei telah menghantar sa-orang wakil. Pada sa-belah malamnya di-Hostel Nakanoshima satu perbinchang bebas mengenai tajok "keamanan" telah di-jalankan dengan di-hadiri oleh lebuh 40 orang peserta dari berbagai2 negeri termasuk Brunei.

Belia2 di-perkhemahan telah menghadiri satu 'memorial lectures' di-Expo Hall yang disampaikan oleh Setiausaha Agong EXPO '70 pada sa-belah pagi 21 Julai, 1970. Di-samping itu di-adakan juga majlis forum untuk menyuarakan pendapat tentang bagaimana belia mengambil peran-

an dalam masyarakat, bagaimana kita boleh mencapai keamanan, dan pendapat tentang EXPO '70 contra dan pronya. Brunei tidak ketinggalan dalam menyuarakan beberapa pendapat dalam masaalah2 ini.

Pada sa-belah petangnya, di-Festival Plaza di-kawasan Expo itu di-adakan satu ranjang khas yang di-gelar **youth festival** di-mana perbarisan semua belia2 di-jalankan mengelilingi plaza tersebut. Pertunjukan ini telah mendapat sambutan yang menarik. Pada sa-belah malamnya pula perkhemahan belia sa-dunia telah mengadakan satu sambutan di-gelar **Expo 70 World Youth Camp Festival**. Di-sini achara2 saperti **mari menyanyi** dengan lagu2 Jepun, Inggeris dan Melayu. Lagu Melayu itu ia-lah **rasa rasa sayang he** yang di-sampaikan oleh semua peserta dari Brunei dengan bantuan dari Malaysia, Singapura dan Indonesia. Demikian juga ranjang **mari menari**, tarian2 klasik Jepun dan tarian2 moden di-jalankan dengan bagitu meriah.


Bukan saja para belia ikut serta menari dan menyanyi bahkan penonton di-plaza itu telah ikut sama memeriahkan temaha itu dengan menari dan menyanyi. Festival ini telah meninggalkan kenangan yang dalam bukan saja terhadap para belia tetapi juga para pe-nonton pada malam itu.

Semuanya telah berangkat dari Osaka balek ka-Tokyo pada 22 Julai, 1970 dengan menaiki kereta api **New Tokaido Line** jenis kereta api yang laju sekali di-dunia. Perjalanan dari Osaka ka-Tokyo sa-jauh lebuh 300 batu itu hanya mengambil masa lebuh kurang 3 jam.

Sa-belah malam 22 Julai itu satu majlis penutup dan Sayonara Party telah di-adakan di-Chinzanso Resturant, Tokyo. Di-sini uchapan2 penutup, terima kasih dan pernyataan hadiah2 telah di-jalankan. Awang Ya'akub bin Ahmad dari Brunei telah memberikan



Ketua2 perwakilan dari semua negeri yang hadir di-perkhemahan itu di-satu majlis sambutan yang di-berikan oleh Presiden Pertubuhan Ketera2 Toyota. Ketua perwakilan Brunei, Awang Ya'akub Ahmad berdiri yang ke-2 dari kiri.



Satu perjumpaan di-NHK Television di-Studio Osaka di-mana wakil2 negeri yang menghadiri perkhemahan itu berbinchang atas tajok "pendapat belia".

uchapan penutup bagi pehak World Assembly of Youth dan para belia, saperti juga di-achara pembukaan rasmii dahulu. Bagi pehak Brunei beliau juga telah menghadiahkan beberapa biji se-raong Brunei dan pengayoh kapada pegawai2 Expo '70 World Youth Camp dan untuk Olympic Memorial Youth Center. Di-samping itu tarian2 raayat dan moden dari berbagai2 negeri telah di-adakan.

Perwakilan Brunei telah bertolak dari Haneda Airport Tokyo pada 23 Julai, 1970 balek ka-tanah ayer semestera itu ada juga belia2 dari lain2 negara maseh menatap di-Tokyo atas urusan sendiri.

Sa-lama tinggal di-perkhemahan belia di-Tokyo dan Osaka lebuh kurang dua minggu itu perwakilan Brunei telah banyak mempelajari dan mengalami tentang pergerakan belia2 Jepun dan chara2 mereka melayan dan memberi pertolongan dengan sebaik-baiknya. "Kami merasa mendapat faedah yang banyak dari penyertaan di-khemah belia sa-dunia ini. Ia-nya memberi kami peluang untuk berjumput dengan belia2 dari berbagai2 negara dan juga belajar tentang kebudayaan dan chara kehidupan mereka serta mengikat tali persahabatan bukan saja dengan belia2 dari Asia bahkan juga dari belia2 di-Eropah. Tetapi yang utama-nya ia-lah kesem-

patan berjumput dengan belia2 Jepun mengikat tali persahabatan dan mengenal serba sedikit kehidupan orang2 Jepun". Demikian ulasan Awang Ya'akub Ahmad dalam komentar-nya mengenai perkhemahan belia sa-dunia di-akhir perkhemahan itu.

Sa-lama perkhemahan di-jalan kan baik di-Tokyo mahu pun di-Osaka, perwakilan Brunei telah menimbulkan satu imej yang baik dan tinggi terhadap semua peserta. Dengan ini kegiatan2 yang di-lakukan oleh perwakilan Brunei saperti persembahan2, menghadiri forum2 dan perbinchang2 telah mendapat sambutan dan penghargaan. Demikian juga dengan kegiatan2 sosial, perchampuran dan perhubungan belia2 dalam perkhemahan tersebut negeri Brunei mendapat tempat yang tinggi walaupun dengan hanya 10 orang perwakilan.

Peserta2 dari Brunei sa-ramai 10 orang ia-itu Awang Ya'akub Ahmad (ketua rombongan), Awang Ahmad Haji Jumat (penolong ketua), Awang Haji Ahmad bin Mudim Bakar, Awang Lim Jock Seng, Awang Latip bin Wahab, Awang Zainal Haji Daud, Awang Bolhassan Md. Jair, Awang Ismail Ibrahim, Ak. Limbang bin Pg. Hj. Yusof dan Abd. Latif bin Hj. Ibrahim.



Persembahan nyanyian rasa sayang he oleh peserta2 dari Brunei di-pertunjukan nyanyian dan tarian2 asli dan moden belia2 sa-jurus sa-lepas pembukaan rasmii.

BARANG2 MUZIUM BRUNEI... 17



Nama: Kiri Bernaga.

Penerangan: Kiri, ia-lah istilah Brunei dan di-perchayai terbit dari perkataan **cherek**, tempat menyimpan ayer. Sa-bagai salah satu alat2 istiadat dalam adat orang2 di-daerah pendalaman, kiri ini tidak digunakan oleh orang2 Melayu Brunei. Kiri yang kebanyakannya di-pakai oleh orang2 Melayu berbentuk **budai** (tanpa ukir) dan kecil. Saperti juga dengan barang2 tembaga yang lain, kiri di-simpan oleh puak2 pendalaman sa-bagai harta pusaka mereka menjadi warisan kepada anak chuchu mereka. Kerana itu kita jarang mendapati ada-nya orang yang ingin menjual barang2 ini dan kalau ada pun sa-telah di-adakan perundingan yang lama. Chara ini sa-chara tidak langsung dapat memelihara barang2 tembaga ini dari hilang atau terjual kepada orang2 asing.

Di-badan kiri ini terdapat ukiran saperti naga, kerbau, anjing, singa dan buaya, lembaga orang memegang senjata dan perisai serta yang dudok pada hujong tangkai-nya. Ukiran bunga **ayer muleh, bunga patah-patah**, dan bunga rampai menyeliputi sa-bahagian kiri ini. Ukiran2 saperti ini terdapat juga pada **kiri** yang ada di-simpan di-Muzium Brunei. Walaupun ukiran bina-tang2 ini di-buat dengan ti-dak ada menaroh apa2 keper-chayaan semangat, saperti di-terdapat juga pada **kiri** yang lalu, namun ia akan membibitkan perasaan animisma ter-hadap benda ini kapada puak2 di-pendalaman.

Dalam barang2 tembaga istiadat negeri China, terdapat sa-jenis che-rek yang di-gelar **Yu**. Sifat dan

bentuk **Yu** ini ada terdapat persamaan yang mirip dengan **Kiri**. Che-rek **Yu** itu di-hiasi dengan binatang pada tampok tudong-nya. Kedua hujong tangkainya di-hiasi atau lebih sesuai "di-jagai" dengan lembaga binatang. Demikian juga dengan muncuhong-nya mempunyai ukiran lembaga. Walaupun persamaan serupa ini hanya-lah barangkali sa-chara kebetulan, namun kesan2 dari pengaroh China dalam pertukangan tembaga orang2 Melayu Brunei memang-lah tidak dapat di-nafikan.

Kiri bernaga selalu-nya di-buat besar bentuk-nya kerana terdapat juga persaingan pasaran di-kalangan penuang2 tembaga. Lebih besar **Kiri**, itu ada-lah lebuh baik untuk di-jual.

Kiri ini telah di-hadihkan oleh Awang Sawat bin Wab, Kg. Lai-papan, Pok Dungan, Kampong Bu-kit Ulu Tutong dalam tahun 1968.

Sukatan: Lebar badan $14\frac{1}{2}$ ".

Tinggi (termasuk tangkai) $17\frac{1}{2}$ ".

PEMENANG2 PERADUAN BAJU KURONG

Gambar kanan menunjukkan Dayang Tinah binte Abdul Rahman, sedang memahkotakan Dayangku Norlia binte Pengiran Chuchu yang telah memenangi peraduan Baju Kurong Asli anjoran Persatuan I.B.B, minggu lalu.

Dayangku Norlia telah mengalahkan 15 peserta yang lain dalam peraduan baju kurong asli itu.

Tempat kedua di-menangi oleh Dayang Rosini binte Ajamain dan ketiga — Dayang Azadah binte Haji Awang Besar.

Sementara pemenang peraduan Baju Kurong moden ialah Dayang Zubaidah binte Abu Bakar, Dayang Rachel Amarniangam tempat kedua dan Dayang Hamidah binte Ahmad, ketiga.



\$786.00 untuk keluarga yang malang

BANDAR BRUNEI.—Guru2 dan murid Sekolah Persediaan Inggeris Bandar Brunei telah mendermakan wang tunai sa-jumlah \$786.00 kapada keluarga Allahyarham Awang Damit bin Momin yang terbunoh dalam satu kejadian ngeri di-Sungai Brunei dalam bulan yang lalu.

Wang tunai itu telah di-serahkan oleh Pengetua sekolah tersebut, Awang K. P. Rajan kapada bapa Allahyarham, Dayang Bungsu binte Menudin di-rumah-nya di-Kampong Pandai Besi, Kampong Ayer pada minggu lalu.

Allahyarham Awang Damit meninggalkan sa-orang baliu dan 10 orang anak. Enam

orang di-antara-nya maseh ber-sekolah, 3 orang maseh kecil lagi dan sa-orang dari anak perempuan keluarga itu baru saja bekerja di-Jabatan Kerja Raya.

Menurut Awang K. P. Rajan bahawa salah sa-orang anak perempuan keluarga yang ma-lang itu ia-lah penuntut di-sekolah persediaan Inggeris yang murid2-nya sa-ramai 2,100 orang dan di-kendalian oleh 100 orang guru.

Pengetua sekolah tersebut berharap derma itu akan dapat membantu keluarga tersebut untuk membeli pakaian dan ke-perluan2 persekolahan murid2 yang malang itu.


Usul ikrar ta'at setia di-luluskan

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait dalam sidang bulanan-nya yang berlangsung pada hari Khamis lepas telah meluluskan satu usul yang di-kemukakan oleh Awang Zainal Abidin bin Pu-teh — wakil kawasan Penglima.

Usul tersebut meminta majlis menyembah rasa keshukuran dan ikrar ta'at setia kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta menjunjung dengan ra-sa tanggong jawab titah uchapan yang telah dilafazkan oleh Ba-ginda bersempena hari ulang tahun puja usia Baginda yang ke-24 tahun.

Awang Zainal Abidin berkata, ti-tah Duli Yang Maha Mulia itu bertujuan demi keamanan, keten-teraman dan kemakmoran yang menguntungkan rakyat dan negara.

Majlis tersebut telah di-penger-u-sikan oleh Pegawai Daerah, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.



Batu Allahyarham Ag. Damit bersama2 dengan anak2-nya bergambar ramai sa-lepas penyampaian derma wang tunai dari guru2 dan murid2 se-koalah persediaan Inggeris yang di-sampaikan oleh Ag. Rajan (berdiri no. 2 dari kiri). Di-kiri sekali ia-lah ketua murid sekolah tersebut Ag. Ajii bin Dolah; No. 3 dari kiri ia-lah Dayang Johara, anak Allahyarham Ag. Damit ia-itu murid Prep. II di-sekolah itu. Di-kanan sekali lahir Che'gu Ag. Zainal Husin, salah sa-orang guru di-sekolah tersebut.

Jawatan- Jawatan Kosong

Sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dalam jawatan tetap dan yang telah berkhidmat sekurang2nya selama 5 tahun sa-bagai Kerani Bahagian 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan untuk di-naikkan pangkat sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkat Khas I.

2. Chalun2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kapada Setia Usaha Kerajaan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat daripada 22 Ogos, 1970.

Ketua2 Jabatan semasa menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyertakan Laporan2 Sulit mengenai pegawai2 ini dengan menyatakan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untuk di-naikkan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantar bersama.

Bawa masok potongan2 pokok perlu permit

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengarah Pertanian Yang Di - Muliakan Pehin Orang Kaya Datu Saudagar Derma Laila Dato Seri Laila Jasa R.T. Lloyd Dolbey telah mengingatkan orang ramai, bahawa membawa masok potongan2 pokok sekarang adalah memerlukan permit.

Kata-nya, borang2 permohonan kerana itu boleh di-dapat dari Ahlikaji Penyakit Tumbuhan2 atau Pegawai Pelindong Tanaman2 di-Jabatan Pertanian Brunei.

Potongan pokok2 yang dibawa masok di-Brunei tanpa surat2 keterangan yang betul dan dalam keadaan lain dari yang di-perlukan oleh peratoran2, akan di-tahan untuk dipereksa, mungkin di-ubati atau di-musnahkan.

DI-JABATAN HAL EHWAL UGAMA

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

(a) Pemandu Motor Sangkut Tingkat I

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 40 tahun.

b) Mesti - lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2nya 3 tahun dan boleh membaiki sebarang kerusakan kecil bagi jentera motor sangkut.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 EB4 — \$200 x 5 — 220/EB/225 x 5 — 240.

(b) Pemandu Kereta Tingkat II

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur 21 hingga 40 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai lesen pemandu kelas 3 yang sah tanpa sebarang chatetan kesalahan dalam lesen mereka. Mereka juga mesti mempunyai sekurang2nya tiga tahun pengalaman sa-bagai pemandu dan boleh memperbaiki kererosakan2 kecil.

c) Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas dimana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5

— 220.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan

yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25hb. Ogos, 1970.

Di-Jabatan Penerbangan Awam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

(a) Penyelenggara Setor Tingkat II (1 kosong)

Kelayakan2:

Pemohon2 untuk lantekan ini mesti-lah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2nya Tingkatan III Inggeris atau yang bersamaan. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D-2 EB-3 — \$270 x 15 — 360/EB/380 x 20 — 480. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) Tradesman Tingkat I (1 kosong)

Kelayakan2:

a) Chalun2 mesti-lah telah mendapat latehan di-sekolah Pertukangan B.S.P. serta di-ikuti dengan mempunyai pengalaman kerja2 praktik selama sekurang2nya 3 tahun; atau

b) bekas fitter B.S.P. yang telah berkhidmat dalam tingkatan 9 sama ada di-bahagian Automotive atau pun Jentera Mekanik; atau

c) mempunyai sekurang2nya 6 tahun pengalaman dalam kerja2 Mekanik di-sabuah workshop yang terkenal.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E-1-2

EB-3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Ogos, 1970.

Tukang Kebun

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Tukang Kebun di-Pejabat Daerah Belait, Kuala Belait.


Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 45 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F1 EB2 — \$160 x 5 — 175/EB/180 x 5 — 195.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 23 Ogos, 1970.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



Perjumpaan atas soal Bahasa

KUALA BELAIT. — Satu perjumpaan antara Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-raja, Dato Utama Dr. Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri dengan pengurus2 shariyat dan kedai2 di-Daerah Belait akan di-adakan di-Dewan Kemusharakatan, Kuala Belait pada hari Kamis 20 Ogos mulai pukul 10.30 pagi.

Perjumpaan tersebut ada-lah bertujuan untuk membincangkan mengenai penggunaan bahasa Melayu di-kalangan perniagaan.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu akan memberikan penerangan2 khusus mengenai penggunaan Bahasa Melayu di-negeri ini sesuai dengan kehendak2 perlumbaan yang merasmikan Bahasa Melayu sa-bagi bahasa rasmi negeri ini.

Beliau juga akan menerangkan tentang betapa perlu-nya shariyat2 perniagaan dan kedai2 untuk memberikan kerjasama mereka yang erat pada mematohi kehendak2 perlumbaan berhabit dengan penggunaan bahasa itu dengan chara yang lebuh meluas di-negeri ini.

Terdahulu dari inti, perjumpaan yang sama telah pun di-adakan antara beliau dengan pengurus2 shariyat dan kedai2 di-Bandar Brunei dalam bulan lalu.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka itu berharap kapada pengurus2 perniagaan dan kedai2 di-draher Belait supaya dapat menghadiri perjumpaan itu nanti di-samping mengharapkan buah2 fikiran mereka yang berguna demi untuk menyibar dan mengukohkan penggunaan bahasa Melayu sa-chara yang lebuh meluas, khasnya di-kalangan perniagaan.

RAAYAT DI-SERU JANGAN

LEKA DGN KEMEWAHAN

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah mengingatkan raayat dan penduduk negeri ini supaya tidak leka dengan kemewahan yang ada sa-hingga tidak sedar akan untung nasib bangsa dan keturunan2 yang akan datang.

Beliau menekankan bahawa hanya dengan menyedari dan mengenali akan keadaan2 serupa itu akan menimbulkan rasa kasih sayang dan chinta kita terhadap bangsa dan negara.

Bersabda di-majlis penutup kursus guru2 kelas dewasa pelajaran rendah yang berlangsung di-Dewan Maktab SOAS petang semalam, beliau menekankan:

"Sungguhpun kerajaan kita pada masa ini mewah, tapi dengan kemewahan itu janganlah kita terlalai dalam buaian emas. Waspada-lah dan sedari-lah untung nasib kita, bangsa dan keturunan yang akan datang", jelas beliau.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu menjelaskan bahawa dengan arus perkembangan negara yang semakin pesat dewasa ini, sama ada yang di-lancharkan oleh kerajaan mahupun private ada-lah berkehendakkan tenaga2 buroh, khasnya di-kalangan penduduk2 tempatan.

"Tetapi selagi penduduk2 negeri ini enggan mendampingkan diri mereka ka-lapangan buroh kasar, maka selagi itu-lah juga kita dipaksa oleh keadaan untuk mendatangkan buroh dari luar negeri, walau pun tindakan serupa ini sering kali kita chuba mengelakkannya," tegas beliau.

Untuk meyakinkan raayat negeri ini supaya menyadari hakikat betapa perlu-nya tenaga buroh di-bidang kelancaran pembangunan2 negara, beliau telah mengambil sambagi chuntoh atas pergolakan perburuhan di-United Kingdom.

"Kerana kekurangan buroh kasar-lah negara United Kingdom terpaksa memasukkan berjuta2 bangsa2 asing untuk pekerjaan2 yang mesti di-sempernakan yang bangsanya sendiri enggan mengerjakannya. Hal ini telah menchetuskan

perbualan2 yang genting di-sekitar raayat United Kingdom", tegas beliau.

Oleh itu, beliau mensifatkan sebagai "bakal menimbulkan akibat2 yang rumit" jika ke-engganan penduduk2 negeri ini untuk memasuki buroh kasar maseh juga berlanjutan. Dalam soal ini, janganlah kita menjerit2 untuk melaungkan betapa perlu-nya penduduk2 Negeri Brunei di-beri kerja tanpa kita sedari akan kedudukan yang sabernanya.

Mengenai dengan perburuhan yang ada di-negeri ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengaku bahawa pekerjaan buroh itu ada-lah sentiasa menggunakan tenaga tuboh yang memerlukan waktu2 rehat.

Walau pun demikian beliau menasihatkan supaya janganlah hendedaknya berhati itu terlampaui banyak dari bekerja sa-hingga duduk lebuh banyak dari bergerak.

Di-samping itu beliau bershukor kerana sejak akhir2 ini, pekerja2 buroh telah sedar dan semakin berkurbanan tabiat2 yang menunggu masa makan dan balek dengan perbuatan2 atau dudok di-pinggir jalan dan berlindong di-bawah pokok2 kayu dengan tidak menghiraukan masa bekerja.

Mengenai dengan usaha2 kerajaan untuk memusatkan perkembangan pelajaran di-negeri ini seperti membentera basuhur dan menghantar murid2 yang baik ke-luar negeri, beliau mengingatkan supaya raayat tidak sentiasa berfikir yang usaha2 itu sa-bagi jaminan untuk memegang jawatan2 di-jabatan2 kerajaan.

Apa yang sabenar-nya yang menjadi asas tujuan memusatkan perkembangan pelajaran di-negeri ini ia-lah untuk membimbangi raayat2 karah tanggong-jawab2 terhadap masarakat, negara dan umga.

Kerana itu, kata-nya, untuk menanamkan semangat yang demikian ada-lah terserah kepada kaum pendidek yang jujur.

Mengenai dengan kursus guru2 kelas dewasa pelajaran rendah itu, beliau mengharapkan akan membaikkan hasil2 yang memuaskan terutama untuk menyedarkan raayat tentang betapa perlu-nya pelajaran itu dalam penghidupan mereka sa-hari2.

Beliau menegaskan lagi bahawa mengurangkan penduduk2 buta huruf di-negeri ini bukanlah bermaksud untuk menyuruh semua yang sudah pandai menulis dan membaca itu untuk bekerja menjadi kerani atau sa-umpama-nya, tetapi ia-lah menggunakan pengetahuan mereka itu untuk faedah2 yang menguntungkan masarakat, bangsa dan negara.



Gambar atas menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ketika menganggerahkan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati — D. K. Darjah Kedua kapada Y.A.M. Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh dalam satu Istiadat Mengurniakan Bintang2 Kebesaran Negeri Brunei di-Balai Pemajangan Indera Kenchana Istana Darul Hana pagi semalam.

Dua orang yang lain juga telah menerima bintang yang sama. Mereka ia-lah Y.A.M. Pengiran Sanggamara Di-Raja Pengiran Anak Chuchu ibni Almarhom Pengiran Muda Mohd. Salleh dan Y.A.M. Pengiran Setia Jaya Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman.

Datin Mariane Lloyd Dolby telah di-anugerahkan Darjah Mahkota Brunei Yang Di-Hormati, Darjah Pertama — S.P.M.B. dan Pegawai Pemerintah Pasukan AMDP, Col. J.J.H. Simpson telah di-kurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia, Darja Kedua — D.S.N.B.

Istiadat mengurniakan gelaran itu telah di-hadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Adair, Y.T.M. Seri Paduka Duli2 Wazir, Yang Amat Mulia Cheteria2 dan ahli2 Majlis Mashuarat Di-Raja.

Gula simpanan untuk di-jual

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Setor Kerajaan mengumumkan bahan gula daripada simpanan persediaan kerajaan ada-lah pada masa ini sedang di-keluarkan untuk di-jual dalam negeri ini.

Gula itu akan di-jual sa-chara langsung kapada pedagang2 barang2 runcit.

Semu pedagang2 barang2 runcit yang juga menjual gula ada-lah di-bolehkan membeli gula dari gudang kerajaan di-Gadong, tetapi pembelian gula itu mestilah tidak kurang dari 20 guni sa-bulan.

Harga runcit gula itu ada-lah seperti berikut:

Bandar Brunei, Muara dan Tuting — 29 sen sa-kati dan Kuala Belait, Seria dan Temburong — 30 sen sa-kati.

Sabda Paduka Seri Begawan

(DARI MUKA 1)

maka kechintaan laila sayang Baginda itu hendak-lah di-pelajar oleh seluruh raayat di-negeri ini dari apa bangsa dan gulungan juapun, terutama dari guru2 yang lastip cherdik pandai, ketua2 dan penghulu Negeri Brunei ini akan bekerja lebuh2 kuat dan lebuh2 giat lagi serta menjadikan tanggong-jawab yang utama bagi me nyeri orang2 kampong dan anak2 buah-nya memasoki dan belajar di-kelas2 dewasa (buta huruf) ini dengan tidak mengira muda atau pun tua, kerana guru2 itu-lah memunaikan pada menuju ka-alam kebajikan dari alam yang gelap ka-alam yang terang.

Kapada Awang2 dan Dayang2, ilmu mata pelajaran utama sekali kebajikan dan ilmu mata pelajaran yang mendarangkan kebajikan akan dapat menyingskap tirai kegelapan tabir kesedaran menjadi renyak hanya pelita yang terang yang mana semua raayat Baginda akan menjadi raayat yang tahu menulis dan membacha kerana dalam masa kursus kali pertama dahulu Baginda Sultan telah menyenarkan suara hati Baginda dengan bertitah:

"Kapada raayat beta yang dewasa hendak-lah tuan2 menyambut laila usaha kerajaan beta dengan tekun laila usaha tabah dan bersungguh2 menduduki kelas2 dewasa yang telah di-sediakan oleh kerajaan demi untuk menuntut berjnis2 ilmu pengetahuan dan mata pelajaran. Taraf hidup dan keadaan kehidupan raayat beta yang dikasih tidak akan dapat di-sempurnakan dan membolehkan tanpa belajar dengan ada-nya ilmu pengetahuan laila pengalaman, kejuiruan laila amanah di-amalkan di-sanubari di-tiap2 raayat beta sekalian".

Awang2 dan Dayang2 sekalian. Alhamdulillah, Insha-Allah beta mempunyai keperchayaan dan telah mengetahui bahwa suara hati dari sa-orang Raja yang telah dititahkan dalam masa kursus lalu itu merupakan suara merdu dari laila hasrat hati yang telah mengikatkan hati seluruh laila raayat, memenohi kewajipan Awang2 dan Dayang2 terhadap maksud seru Baginda kapada Negeri Brunei.

Kapada raayat yang di-kasih sekalian, jika tidak ada satu2 aral yang mengendalikan-nya dan hendedak-lah raayat sekalian menyadari itu-lah satu kaseh sayang yang tidak luput2 dari sa-orang Raja yang di-jadikan oleh Allah Subhanahu-wataala sa-bagi Sultan yang memerentah bertanggong-jawab pada mengusahakan pada mengukohkan perjanjian dengan Baginda Queen di-United Kingdom bagi Great Britain mengenai kawalan keselamatan luar dan dalam negeri Brunei untuk kesentosaan, kebahagiaan, kemajuan atau perkembangan laila sejahtera untuk Negeri Brunei, raayat penduduk serta isi di-dalamnya.

Akhir-nya sekali lagi beta mengucapkan terima kaseh beta kapada yang berkenaan terutama kapada pejabat Jabatan Pelajaran kerana memberikan peluang beta atau memberi peluang kapada beta hadir dan beruchap sa-patah dua kata pada merasmikan pembukaan majlis kursus yang indah permata-

warahmatullah. Dengan ini beta dengan mendahulukan nama Allah yang maha pemurah lagi penyaya yang beta rasmikan pembukaan kursus guru2 kelas dewasa pelajaran rendah ini. Bismillah nirahman nirahim.